



BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Mempelajari gaya bahasa al-Quran amat penting untuk memahami maksud dan tujuan kandungannya, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan retorik (ilmu balaghah) dan sintaksis (ilmu nahu). Kajian ini akan menumpukan perbincangan mengenai *Ism al-fā'il* (I.F) dan *al-Fi'l al-Mudā'iri* (F.M) dari sudut fungsi, makna dan masa. Mengenali *I.F* dan *F.M* amat penting kerana terdapat hubungan di antara kedua-duanya dalam ketiga-tiga aspek tersebut (fungsi, makna dan masa).

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang mengandungi *I.F* yang perlu dikaji fungsinya, makna dan masa serta menyelidik rahsia penggunaannya. Oleh itu, timbul kekeliruan di dalam memahami hubungan *I.F* dengan *F.M*, sedangkan kedua-duanya mempunyai hubungan di antara satu sama lain.

Kalau diperhatikan *I.F* kadang – kalanya sesuai digantikan di tempat *F.M* seperti contoh berikut ;

"هُوَ ذَائِمٌ - هُوَ يَذْهَبُ"

Ertinya : "Dia sedang / akan pergi".

Kedua- dua ayat dalam konteks tadi membawa maksud yang sama, iaitu dia sedang / akan pergi. Begitu juga dengan contoh berikut :

"امْرَأَةٌ حَائِضَةٌ - امْرَأَةٌ تَحِيضُ"

bererti wanita yang sedang berada dalam keadaan darah haid (darah masih mengalir). Akan tetapi terdapat perbezaan dari sudut maksud sekiranya lafaz *I.F* itu tidak dimasuki huruf *ta' ta'nīth* (*ta' marbūṭat*), seperti contoh berikut ;

" امْرَأَةٌ حَائِضٌ "

" *Wanita yang masih mempunyai haid*",

iaitu yang bersifat dengan sifat tersebut sekalipun ia di dalam keadaan suci. Oleh itu, keadaan seperti ini tidak boleh diungkapkan dengan ungkapan ;

" امْرَأَةٌ تَحِيضُ "

Ertinya : "*Wanita yang sedang keluar darah haid*".

Ini bermakna terdapat perbezaan pada makna kata kerja dan kata sifat kerana kata kerja adalah perbuatan yang tidak tetap dan berubah – ubah seperti *F.M*, manakala sifat ialah sesuatu yang tetap.¹

Begitu juga dalam bab *idāfat*, iaitu sekiranya *I.F* bergabung dengan perkataan lain dan ia tidak *bertanwīn* maka maksudnya ialah perbuatan itu telah berlaku pada waktu yang telah lalu, seperti contoh berikut :

" هُوَ قَاتِلُ غُلَامِكَ "

Ertinya : "*dia telah membunuh budak suruhan awak*".

Sebaliknya jika *I.F* itu *bertanwīn* maka ia membawa maksud bahawa perbuatan itu akan berlaku pada masa hadapan, seperti :

¹ 'Abdullah al-Dāyil. 1996. m.s 192.

"هُوَ قَاتِلُ غُلَامِكَ"

Ertinya : "Dia akan membunuh budak suruhan awak".

Ini bermakna *I.F* yang *bertanwīn* sama dengan maksud *F.M* dan sesuai ialah ia menggantikan tempatnya iaitu ;

"هُوَ سَيَقْتُلُ غُلَامَكَ"

Ertinya : "Dia akan membunuh budak suruhan awak".

Kajian ini juga akan mengkaji perhubungan kedua-dua perkataan ini dari sudut retorik al-Quran dan sintaksis iaitu berkisar dalam persoalan sebab penggunaan *I.F* dan *F.M* dalam sesuatu ayat. Dalam pengkajian ini, surah *Yāsīn* akan dipilih oleh Penulis untuk tujuan tersebut kerana dalam surah ini terdapat *I.F* dan *F.M* yang perlu dikaji penggunaannya, di samping surah ini sering dibaca oleh muslimin termasuklah pengguna dan penuntut Bahasa Arab. Oleh itu, Penulis telah memilih tajuk berikut " *Penggunaan Ism al-Fā'il dan al-Fi'l al-Muḍāri' Dalam al-Quran. Satu Kajian Dalam Surah Yāsīn*" sebagai tajuk disertasi ini.

1.1 Kepentingan Kajian

: Kajian seperti ini amat penting ditonjolkan, kerana sepanjang pengetahuan penulis setakat ini belum ada lagi pengkaji-pengkaji tempatan yang telah membuat kajian tentang hubungan *I.F* dengan *F.M* dalam sesebuah surah al-Quran. Kajian ini pada prinsipnya memberi gambaran tentang keistimewaan

mukjizat al-Quran yang menggunakan cara yang tersendiri dalam mendedahkan hubungan kedua-dua pola tersebut.

Keistimewaan ini dapat menjadikan pendengar ayat-ayat Allah yang memahami bahasa Arab dapat merasakan suatu makna yang memberi kesan ke dalam diri mereka apabila sudah jelas kepadanya maksud dan tujuan pemilihan salah satu dari kedua-dua pola tersebut.

Dengan itu, Penulis berpendapat bahawa kajian ini perlu dikaji khususnya dalam hubungan maksud dan masa di antara kedua-dua pola tersebut dalam surah *Yāsīn* sebagai penerokaan terhadap rahsia penggunaan kedua-dua pola tersebut dari sudut ilmu balaghah al-Quran dan rahsia keunikannya.

1.2 Objektif Kajian

Dalam usaha untuk mencapai matlamat penulisan kajian ini, Penulis telah menggariskan beberapa objektif dan matlamat yang dikehendaki dalam kajian ini.

Antara objektif penulisan kajian ini adalah seperti berikut :

- 1- Mengetahui hubungan di antara *I.F* dan *F.M* dan mengetahui sejauh mana hubungan kedua-dua pola tersebut.
- 2- Untuk memahami konteks penggunaan kedua-dua pola tersebut di dalam ayat-ayat al-Quran .
- 3- Untuk mendapatkan fakta-fakta lengkap *I.F* dan *F.M* dalam surah *Yāsīn* .
- 4- Untuk dijadikan panduan mempraktikkan penggunaan kedua-dua pola tersebut dalam membina ayat di dalam Bahasa Arab .

- 5- Mendedahkan tentang rahsia gaya bahasa al-Quran mengenai kedua-dua pola tersebut.

1.3 Ruang Lingkup dan Batasan Kajian

Pada keseluruhannya, kajian ini adalah kajian bahasa Arab dalam bidang sintaksis dan balaghah al-Quran yang menumpukan pembahasan “Hubungan *I.F* dengan *F.M* dalam surah *Yāsīn*”. Melalui kajian ini, Penulis cuba memaparkan satu huraian mengenai hubungan makna dan masa yang terdapat di antara kedua-dua pola tersebut di dalam surah *Yāsīn* melalui analisis terhadap ayat-ayat yang dikumpulkan.

Selaras dengan objektif dan matlamat, kajian ini menumpukan aspek-aspek berikut :

- 1-Perbezaan makna antara kedua-dua pola ketika berlaku perubahan dari sudut sintaksis.
- 2-Penggunaan *I.F* dalam surah *Yāsīn* dan perbezaan makna dengan *F.M* .
- 3-Hubungan makna kedua-dua pola dengan berdasarkan pentafsiran para ulama tafsir dan Bahasa Arab. Di dalam kajian ini hanya menumpukan kepada *F.M* yang mempunyai hubungan makna dengan *I.F* sahaja. Oleh itu, Penulis tidak membuat kajian kepada semua pola *F.M* yang terdapat di dalam surah *Yāsīn*..

1.4 Hipotesis

Dalam membuat kajian terhadap kedua-dua aspek yang dinyatakan, penulis dapati dua hipotesis utama dalam kajian ini. Kedua-dua hipotesis tersebut ialah :

- 1- Terdapat hubungan dari segi makna di antara kedua-dua pola tersebut.

2- Penggunaan kedua-dua lafaz ini mempunyai rahsia yang tertentu di dalam al-Quran.

1.5 Metodologi / Kaedah Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian yang komprehensif, Penulis menggunakan kaedah kajian kepustakaan dalam merujuk kitab-kitab tatabahasa Arab dan kitab-kitab tafsir yang lama dan baru dalam mengumpulkan data-data yang disusun dalam kajian ini. Penulis tidak mengabaikan aspek-aspek pentafsiran ulama – ulama yang terkemuka di dalam bidang tersebut. Oleh itu, Penulis akan merujuk kitab-kitab tafsir yang muktabar, kerana ia merupakan kaedah yang utama untuk menghasilkan kajian yang lebih ilmiah dan konkrit. Penulis juga bergantung kepada buku tafsir di dalam bahasa Malaysia seperti “**Tafsir Pimpinan al-Rahman**” oleh Shiekh Abdullah Basmih .

Penggunaan istilah retorik dan sintaksis yang telah diterima pakai dalam Bahasa Arab sebahagiannya dikekalkan dalam bahasa asal kerana tiada bandingannya dalam bahasa Melayu dan tidak dapat difahami atau terdapat perbezaan yang ketara sekiranya diterjemahkan ke bahasa Malaysia dan sebahagiannya yang ada persamaan konsep diterjemahkan ke bahasa Malaysia. Untuk transliterasi, Penulis menggunakan buku “**Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi**” terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1992.

1.6 Tinjauan Terhadap Kajian Lampau

Penulis setakat ini belum bertemu dengan kajian *Ism Fā'il* di dalam surah *Yāsīn* tetapi penulis telah mendapati beberapa kajian lampau yang ditulis oleh beberapa ulama yang berkaitan dengan *Ism Fā'il* sahaja. Antara kajian dari ulama terdahulu yang mengkaji tajuk ini ialah al-Imam Ahmad al-Qāsim al-'Abbādī¹ yang menulis kitab "*Risālat Fi Ism al-Fā'il*"². Terdapat juga kajian tersebut yang dibuat oleh ulama di zaman ini seperti Doktor 'Abdullah bin Ḥamad bin 'Abdullah al-Dāyil yang menulis kitab "*al-Waṣfu al-Musytaq fi al-Quran al-Karīm*".³ Kedua-dua kajian tersebut telah mendapati bahawa *Ism al-Fā'il* menunjukkan perbuatan yang berlaku secara berterusan.

1.7 Rangka kajian

Kajian ini dibahagikan kepada 6 bab. Bab yang pertama ialah pengenalan yang mengandungi pendahuluan, latar belakang kajian, kepentingan kajian, objektif dan matlamat, ruang lingkup dan batasan kajian, hipotesis, metodologi dan rangka kajian.

Manakala pada Bab 2 membincangkan definisi *I.F*, jenis-jenis *I.F* dari sudut kata kerja transitif atau tidak transitif, bentuk-bentuk pola *I.F* yang berbeza dari sudut makna dan sifat serta bentuk – bentuk pola *I.F* berdasarkan kata kerja "*Thulāthiy*" dan "*Rubā'iy*".

Bab 3 membincangkan definisi *F.M* dan pembahagian kategori-kategorinya kepada "*Thulāthiy Mujarrad*", "*Thulāthiy Mazīd Bi Harf*".

¹ Meninggal dalam tahun 994 H.

² Dicitak pada tahun 1983 oleh Maktabat Dār al-Furqān, Irāq.

³ Dicitak pada tahun 1997 oleh Maktabat al-Taubaṭ, Riyadh.

"*Thulāthīy Mazīd Bi Ḥarfayn*", "*Thulāthīy Mazīd Bi Thalāthāḥ Aḥruf*", "*Rubā'īy Mujarrad*", "*Rubā'īy Mazīd Bi ḥarf*" dan "*Rubā'īy Mazīd Bi Ḥarfayn*".

Bab 4 pula membincangkan kajian hubungan di antara *I.F* dan *F.M* dari konteks maksud dan masa dan diterangkan kaedah-kaedah untuk mengetahui perbezaan maksud kedua-dua lafaz, di samping menyatakan kaedah – kaedah untuk mengetahui hubungan dan persamaan kedua-duanya serta sebab-sebab yang membawa kepada pertukaran dari *I.F* kepada *F.M* atau sebaliknya.

Bab 5 membincangkan tentang kajian penggunaan *I.F* dan *F.M* berdasarkan kaedah-kaedah lalu bagi menjelaskan rahsia-rahsia penggunaan tersebut dan hikmahnya di dalam surah *Yāsīn*. Penulis membawa beberapa pendapat ulama tafsir mengenai maksud ayat-ayat yang dibincangkan untuk mengukuhkan hujah mengenai hubungan kedua-dua pola tersebut dari dua sudut yang telah dinyatakan. Penulis juga membawa beberapa ayat yang lain dari surah yang lain untuk tujuan mengukuhkan lagi hasil kajian yang diperolehi.

Kajian ini diakhiri dengan bab 6 yang menerangkan kesimpulan dari hasil-hasil kajian yang telah lalu dan rumusannya sekali. Dinyatakan juga tentang beberapa saranan dan cadangan termasuk betapa perlunya kajian seperti ini untuk memajukan bidang pengajian bahasa al-Quran dan bahasa Arab dan kajian ini menjadi satu pendekatan dalam bidang pengajaran bahasa Arab .

1.8 Penutup

Bab ini telah membentangkan satu susur galur atau latar belakang yang dapat disifatkan sebagai kerangka kajian ini. Dalam pembentangan tersebut, Penulis telah cuba menyentuh beberapa perkara asas yang menjadi matlamat yang diperlukan oleh kajian ini.